

**TESTIMONIAL : PUAN HAJAH HALIMAH BINTI IMAN  
(UMUR LEWAT 40AN)**

Pertemuan di antara saya dengan Mr. Wong bermula semasa saya mengadakan lawatan tapak kilang solar milik beliau di Menglembu.

Melihat kepada rupa paras dan keadaan fizikal saya tidak menyangka umur beliau telah mencecah hampir 58 tahun. Beliau kelihatan masih muda dan sihat. Bila ditanya tentang rahsia beliau kekal muda dan sihat, beliau menceritakan tentang rawatan urutan yang dijalankan.

Memandangkan keadaan fizikal beliau, saya tertarik hati dan bersetuju untuk mendapatkan rawatan pertama iaitu rawatan yang dijalankan bermula daripada hujung rambut sehingga ke hujung kaki. Semasa peringkat permulaan proses rawatan bermula di bahagian kepala saya merasa amat sakit. Tetapi apabila selesai rawatan dilakukan seluruh badan saya berasa segar dan ringan.

Namun apa yang mengejutkan saya, dalam tempoh tiga hari segala penyakit yang saya alami beransur hilang dan saya dapat merasakan badan saya merasa segar dan bertenaga. Dalam masa yang sama, saya dapat merasakan penyakit migrain yang saya alami sejak dulu semakin kurang.

Dalam masa yang terdekat ini, saya tidak lagi mengambil pil migrain dan ubat-ubatan lain yang saya perolehi daripada hospital.

Memandangkan keberkesanan rawatan tersebut kepada diri saya, saya mengambil keputusan untuk menjalani rawatan tersebut sehingga ke peringkat kedua dan sehingga kini.

Kini, saya telah selesai menjalani rawatan peringkat keempat. Terbukti rawatan tersebut amat berkesan dan telah banyak membantu memulihkan kesihatan badan saya terutamanya dari segi melancarkan peredaran darah. Saya amat berpuas hati dan akan terus menjadikan rawatan ini sebagai amalan di mana ianya bukan sahaja dapat membantu saya mengekalkan kesihatan yang baik malah menjadikan saya tampak lebih muda.

